PENERBITAN ARTIKEL OLEH JABATAN KHIDMAT KORPORAT 2026

Terbitan : Dewan Ekonomi | Info Cukai

Keluaran : April 2026

Tajuk : 30 Tahun HASiL – Menjejaki Sejarah Percukaian Negara

Oleh: HASiL

30 Tahun HASiL

Menjejaki Sejarah Percukaian Negara

Percukaian bukan sekadar mekanisme kutipan hasil, sebaliknya menjadi asas pembentukan struktur pentadbiran, kestabilan politik dan kelangsungan ekonomi sesebuah negara. Tanpa sistem percukaian yang tersusun, negara tidak berupaya membiayai keselamatan, menyediakan infrastruktur asas, membangunkan institusi pendidikan atau memperkukuh jaringan perlindungan sosial.

Di Malaysia, sistem percukaian yang wujud pada hari ini terbina melalui proses sejarah yang panjang dan berlapis-lapis. Sistem tersebut tidak muncul secara tiba-tiba selepas kemerdekaan atau semata-mata hasil reformasi pentadbiran moden. Dunia percukaian berkembang sejak zaman tamadun awal di Nusantara, era Kesultanan Melayu Melaka, fasa penjajahan Eropah, seterusnya pembentukan negara bangsa pascakemerdekaan 1957.

Evolusi tersebut mencerminkan bahawa sistem cukai sentiasa berubah mengikut struktur ekonomi, hubungan kuasa dan tuntutan masyarakat pada sesuatu zaman. Dengan menelusuri sejarah, pemahaman terhadap peranan percukaian sebagai instrumen kedaulatan dan sumber kewangan strategik negara dapat diperkukuh.

Akar Awal Percukaian Tamadun Dunia

Sejarah dunia menunjukkan bahawa percukaian merupakan antara institusi terawal dalam peradaban manusia. Sejak zaman tamadun Mesopotamia, Mesir Purba dan China, pemerintah mengenakan sumbangan wajib ke atas rakyat bagi membiayai pertahanan, pembinaan sistem saliran dan pentadbiran wilayah. Pada peringkat awal, cukai tidak dibayar dalam bentuk wang kerana sistem monetari belum berkembang. Sebaliknya, sumbangan diberikan dalam bentuk tenaga kerja, hasil pertanian atau barangan tertentu.

Dalam tamadun Greek purba, cukai khas yang dikenali sebagai "eisphora" digunakan untuk membiayai peperangan. Empayar Rom pula mengenakan duti import dan eksport yang dikenali sebagai "portoria", di samping cukai ke atas harta pusaka. Di England, tentangan

masyarakat seawal abad ke-15 menyebabkan pelaksanaan cukai menghadapi kegagalan. Namun demikian, menjelang abad ke-18, cukai pendapatan diterima sebagai mekanisme tetap bagi membiayai perbelanjaan peperangan dan pentadbiran empayar.

Pengalaman global tersebut memperlihatkan bahawa percukaian berkembang seiring dengan keperluan negara untuk membiayai konflik, memperluas wilayah dan menyusun sistem pentadbiran yang semakin kompleks. Prinsip yang sama kemudiannya mempengaruhi pembentukan struktur percukaian di Tanah Melayu.

Era Kesultanan Melayu Melaka: Asas Pentadbiran Fiskal

Pada abad ke-15, Kesultanan Melayu Melaka muncul sebagai pusat perdagangan maritim yang penting di Asia Tenggara. Kedudukan pelabuhan di Selat Melaka menjadikannya titik pertemuan antara pedagang dari China, India, Arab dan Kepulauan Melayu.

Kejayaan Melaka sebagai pelabuhan entrepot bukan semata-mata bergantung pada faktor geografi, tetapi juga pada sistem pentadbiran yang tersusun. Tanggungjawab pengurusan hasil dikendalikan oleh Penghulu Bendahari yang mengawal perbendaharaan negeri, manakala Syahbandar mengurus hal ehwal pedagang dan pungutan duti pelabuhan. Pendapatan utama Melaka diperoleh daripada duti import dan eksport, lesen perniagaan, bayaran pelabuhan, serta ufti dan hadiah diplomatik. Kadar duti ditetapkan berdasarkan asal pedagang dan jenis barangan yang dibawa.

Sistem tersebut mencerminkan kefahaman mendalam terhadap hubungan diplomatik dan kepentingan perdagangan antarabangsa. Barangan makanan tertentu diberikan pengecualian cukai, namun amalan pemberian hadiah kepada raja dan pembesar tetap diteruskan sebagai sebahagian daripada struktur politik dan sosial.

Era Portugis dan Belanda: Adaptasi dan Komersialisasi Sistem

Kejatuhan Melaka kepada Portugis pada tahun 1511 membawa perubahan politik yang besar, namun sistem pungutan cukai tetap diteruskan. Empayar Portugis mengekalkan struktur asas pentadbiran cukai seperti yang diamalkan pada era Kesultanan Melayu Melaka kerana sistem tersebut terbukti berkesan dalam menjana pendapatan perdagangan. Pendekatan ini memperlihatkan kesinambungan sistem tempatan yang disesuaikan dengan kepentingan kuasa kolonial.

Apabila Melaka diambil alih oleh Syarikat Hindia Timur Belanda pada tahun 1641, sistem percukaian menjadi lebih berorientasikan keuntungan komersial. Pihak Belanda mengekalkan struktur yang diwarisi daripada Portugis, namun memperkenalkan penswastaan pengutipan cukai melalui mekanisme lelongan hak mengutip cukai kepada pembida tertinggi. Melalui kaedah tersebut, kerajaan kolonial memperoleh hasil segera, kawalan perdagangan dapat diperketat dan kapal yang gagal membayar duti berdepan dengan tindakan sekatan atau rampasan. Pendekatan berkenaan menunjukkan perubahan fungsi cukai daripada alat pentadbiran tempatan kepada instrumen kawalan ekonomi kolonial yang berorientasikan keuntungan.

Era Inggeris: Institusi Cukai Moden

Kedatangan Inggeris membawa perubahan struktur yang lebih mendalam melalui pembentukan Negeri-Negeri Selat dan seterusnya penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu apabila pentadbiran fiskal disusun mengikut model birokrasi Inggeris. Pada peringkat awal, hasil utama diperoleh daripada duti kastam, cukai tanah dan eksais tertentu. Namun begitu, perkembangan industri bijih timah dan getah pada penghujung abad ke-19 ketika Semenanjung Tanah Melayu muncul sebagai pembekal utama dunia bagi kedua-dua komoditi tersebut telah memperluas sumber pendapatan kerajaan melalui cukai eksport hasil pertanian berkenaan.

Sistem cukai diperkenalkan oleh pentadbiran Inggeris pada awal abad ke-20. Walaupun berdepan dengan tentangan, perang dunia telah mempercepat pelaksanaannya. Struktur percukaian menjadi lebih tersusun melalui penggubalan ordinan baharu yang menjadi asas kepada kerangka perundangan moden. Peralihan tersebut menandakan perubahan penting dalam dunia percukaian daripada kebergantungan pada duti perdagangan kepada sistem cukai langsung yang lebih sistematik.

Rang Undang-Undang Cukai Pendapatan digubal dan dikemukakan kepada Majlis Penasihat (Advisory Council) pada tahun 1947 dengan objektif mewujudkan pengagihan beban cukai yang lebih adil. Perundangan tersebut kemudiannya dilaksanakan di seluruh Tanah Melayu melalui Ordinan Cukai Pendapatan 1947. Cukai pendapatan mula diperkenalkan di Persekutuan Tanah Melayu pada Januari 1948. Pejabat Cukai Pendapatan dikenali sebagai Jabatan Cukai Pendapatan sebelum ditukar nama kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) pada

tahun 1957. Ordinan berkenaan diguna pakai sehingga tahun 1966 sebelum digantikan dengan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang menjadi rujukan perundangan percukaian negara sehingga hari ini.

Pascakemerdekaan: Cukai sebagai Instrumen Pembangunan Negara

Kemerdekaan pada tahun 1957 membuka lembaran baharu dalam pengurusan fiskal negara. Pada ketika itu, komoditi utama Malaysia ialah getah dan bijih timah. Oleh itu, struktur percukaian perlu disesuaikan bagi menyokong agenda pembangunan nasional. ACP 1967 menjadi titik penting dalam penyelarasan ordinan cukai pendapatan antara Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, sekali gus memperkukuh dan menyeragamkan integrasi fiskal di seluruh negara.

Sepanjang dekad 1970-an dan 1980-an, dasar percukaian dimanfaatkan sebagai instrumen untuk menggalakkan pelaburan industri, mempelbagaikan ekonomi dan menyokong dasar pembangunan negara. Ketika berlakunya kemelesetan ekonomi, pelarasan dasar cukai dilaksanakan sebagai langkah rangsangan. Pendekatan tersebut membuktikan percukaian bukan sekadar sumber hasil, sebaliknya alat dasar ekonomi yang fleksibel dan strategik.

Perubahan struktur ekonomi dan peluasan peranan percukaian menuntut penubuhan sebuah institusi yang lebih moden dan berautonomi. Pada tahun 1996, tertubuhlah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), sekali gus menamatkan hampir lima dekad operasi JHDN sebagai pentadbir cukai negara. Transformasi tersebut berasaskan cadangan dalam Belanjawan 1993 dan dimuktamadkan melalui Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 yang diwartakan pada 16 Februari 1995.

Sehingga kini, HASiL telah melalui perjalanan panjang yang mengubah wajah percukaian negara daripada pentadbiran tradisional kepada organisasi moden yang dipacu data, teknologi dan integriti. Peranan institusi tersebut bukan sekadar pemungut cukai negara, malah sebagai benteng kestabilan fiskal, pemacu pembangunan dan rakan strategik dalam memakmurkan negara.

Evolusi Berterusan dan Masa Hadapan Percukaian

Perjalanan sistem percukaian negara merentasi lebih daripada lima abad sejarah. Bermula daripada duti pelabuhan di Melaka, berkembang kepada ordinan kolonial dan seterusnya akta perundangan moden, setiap fasa mencerminkan keperluan zaman dan cabaran semasa. Evolusi tersebut membuktikan bahawa percukaian bukan sekadar instrumen kewangan, tetapi cerminan kematangan institusi dan kebijaksanaan kepimpinan dalam mengurus sumber negara.

Ketika Malaysia melangkah ke hadapan, asas sejarah berkenaan menjadi rujukan penting. Sejarah menunjukkan bahawa negara yang berjaya bukan sahaja mampu menjana hasil, malah perlu bijaksana dalam mengurus dan mengembalikan hasil tersebut kepada rakyat sebagai pelaburan demi masa hadapan negara.

Selamat Menyambut Ulang Tahun ke-30 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.